

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA**  
**KAWASAN : SIPITANG**

**SOALAN NO. 528**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan kemajuan pelaksanaan projek Pan Borneo bagi jajaran Sabah setakat ini, dan apakah pakej-pakej yang belum ditawarkan sebelum ini akan dibuka tender semula bagi membolehkan ia dilaksana secara keseluruhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Oktober 2020 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah 40%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 4 pakej kerja dijangka akan ditender pada tahun ini yang melibatkan 1 pakej kerja yang ditender semula dan 3 pakej kerja baharu. 1 Pakej baharu yang melibatkan jajaran dari Serusup ke Pituru pula telah diluluskan bagi RP1 RMKe-12. Perancangan untuk memulakan pembinaan bagi baki 19 pakej kerja adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.